



## IKLAN JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur) yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

1. **JAWATAN & GRED :PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN GRED W29**  
a) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN :KEWANGAN (W)**  
b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN :PELAKSANA**  
c) **KEKOSONGAN :1 (SATU) JAWATAN**  
d) **TARAF JAWATAN :TETAP**  
e) **SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
- (iii) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji Permulaan pada Gred W29 : RM1,851.28).

- f) **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam Subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.